

1975

SEREMBAN, 5 MEI (BERNAMA)-MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA GURU DAN IBUBAPA Mencari jalan bagi mengatasi kelemahan murid-murid di dalam mata pelajaran ilmu hisab dan sains.

BELIAU BERKATA PENGETAHUAN ILMU HISAB DAN SAINS ADALAH PENTING KERANA KEJAYAAN SESEBUAH NEGARA, KEUTUHAN MALAH KEKALNYA NEGARA ITU BANYAK BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN RAKYATNYA DI BIDANG TERSEBUT.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN SEKOLAH RENDAH DATUK SHAHABANDAR ABU BAKAR BERHARGA \$100,000 DI LABU HILIR DEKAT SINI.

KATANYA, KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL BERAT TERHADAP PELAJARAN ILMU HISAB DAN SAINS KERANA IA BUKAN SAJA PENTING UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN TETAPI JUGA PENTING DI BIDANG PERUSAHAAN, PERUBATAN DAN LAIN-LAIN USAHA MEMBANGUNAN NEGARA.

"MALANGNYA DIDAPATI RAMAI PELAJAR BUMIPUTRA DI SEKOLAH MENENGAH YANG LEMAH ATAU TIDAK SUKA KEPADA KEDUA-DUA MATA PELAJARAN ITU," TAMBAH BELIAU.

BELIAU LALU MENGGESA IBUBAPA MENGGALAKKAN ANAK MEREKA SUPAYA SUKA KEPADA MATA-MATA PELAJARAN ITU KERANA PENGUASAAN KEDUA-KEDUANYA SANGAT MUSTAHAK BAGI MASA DEPAN YANG CERAH. -BERNAMA HM
1635